

Anggota Tentera Perlu Berjiwa Besar Hadapi Cabaran, Titah Raja Muda Bernama
1 September, 2012

KANGAR, 1 Sept (Bernama) -- Setiap pegawai dan anggota tentera perlu berjiwa besar bagi memastikan mereka melepasi setiap cabaran dan halangan dengan sempurna, titah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Bertitah pada majlis sambutan Aidilfitri bersama warga Regimen 504 Askar Wataniah di Bukit Ayer dekat sini hari ini, baginda berharap dengan berjiwa besar, mereka bukan sahaja dapat mengekalkan nama baik tentera darat tetapi mampu membina daya juang ketenteraan yang mampan.

Baginda yang juga Komander Regimen 504 Askar Wataniah bertitah, selain itu setiap anggota tentera perlu juga mempunyai matlamat dalam ketenteraan di samping sentiasa berfikir untuk kebaikan negara walaupun berdepan cabaran.

Tuanku Syed Faizuddin berharap para pegawai dan anggota tentera bersedia melalui perubahan dunia masa kini di samping mengekalkan etos kepahlawanan memupuk jiwa dan iltizam tinggi dalam kerjaya.

Baginda bertitah setiap pegawai dan anggota tentera perlu berani mencabar status quo dan mengikis sikap berdiam diri serta takut menghadapi perubahan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691228>